

TAKLIMAT GOVERNAN UNIVERSITI DI BAWAH PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA [P.U.(A) 448/2010] DAN KUASA PIHAK BERKUASA UNIVERSITI



**Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU)
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia**

OBJEKTIF BENGKEL:

- memahami peruntukan Perlembagaan Universiti (P.U (A). 448/2010)
- mengetahui hak dan tanggungjawab seperti yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Universiti
- menguruskan tugas, tanggungjawab dan hak dalam ruang lingkup Perlembagaan Universiti



KANDUNGAN BENGKEL:

○ Konsep Perlembagaan


- Pembahagian kuasa Persekutuan
- Hubungan undang-undang antara Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan UPM



KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)


- **Susunan** Perlembagaan UPM



KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)


- **Kuatkuasa** Perlembagaan UPM



KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)

- **Struktur dan Komponen Universiti** mengikut Perlembagaan UPM



KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)
- Pegawai Universiti - Fungsi dan Kuasanya



KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)

- **Pihak Berkuasa Universiti - Fungsi dan Kuasanya**

Dari Meja Naib Canselor



PROF. DATIN PADUKA DR. AINI IDERIS

Kenali Naib Canselor kami
[Profil](#)
[Hubungi](#)

Pengurusan Universiti



Sistem Pentadbiran UPM yang efektif serta dinamis secara telus menggambarkan kewibawaan Universiti di peringkat antarabangsa, seiring dengan matlamatnya sebagai Universiti Penyelidikan...[lagi](#)

[Canselor](#)
[Pro Canselor](#)
[Lembaga Pengarah](#)
[Jawatankuasa Pengurusan Universiti](#)
[Pegawai Utama](#)

[...lagi](#)

KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)

- Statut, Kaedah dan Peraturan

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA	
L1	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TAKRIF DAN MARNA) 2013
L2	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UAZAH KEHORMAT) 2013
L3	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (FAKULTI, SEKOLAH, AKADEMI, PUSAT ATAU INSTITUT) 2013
L4	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI) 2013
L5	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHAK BERKUASA MELANTIK) 2013
L6	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR) 2013
L7	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (BURSAR) 2013
L8	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KETUA PUSTAKAWAN) 2013
L9	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PENDAFTAR) 2013
L10	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR) 2013
L11	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SENAT) 2013
L12	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR) 2013
L13	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2013



KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)
- **Kuasa Kewangan** Universiti




KANDUNGAN BENGKEL:

- Perlembagaan UPM (P.U.(A). 448/2010)

- **Pelajar dan Kesatuan Pelajar**



PENGENALAN: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN




PENGENALAN: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Fakta am mengenai Perlembagaan Persekutuan-

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia digubal berdasarkan Suruhanjaya Reid dan berkuatkuasa 31 Ogos 1957. Pindaan dibuat pada September 1963 apabila Sabah, Sarawak dan Singapura bersetuju menyertai Penubuhan Malaysia.
2. Terdapat **183 Perkara** dan **13 Jadual** dalam Perlembagaan Persekutuan.
3. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama Persekutuan.
4. Menetapkan kebebasan asasi setiap rakyat.

PENGASINGAN KUASA DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN



HUBUNGAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN DAN UPM

Perlembagaan Persekutuan



Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)



Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian
Malaysia 1971 (P.U(A) 387/1971)



Perlembagaan Universiti (P.U(A) 448/2010)



Statut, Kaedah dan Peraturan

PENGENALAN: PERLEMBAGAAN UPM

- Diwartakan pada 31 Januari 2010 melalui P.U. (A) 448/2010 dan **berkuatkuasa** pada **1 Januari 2011**
- Memansuhkan Perlembagaan lama (P. U. (A) 106/1998) mulai 1 Januari 2011
- Tetapi UPM masih lagi pertubuhan perbadanan yang sama seperti mana yang ditubuhkan dalam Perintah (Perbadanan) Universiti Pertanian Malaysia, 1971 (P. U. (A) 387/1971)

Terdiri daripada-

- **7 Bahagian,**
- **71 Seksyen dan**
- **1 Jadual**



SUSUNAN PERLEMBAGAAN UPM

Susunan Perlembagaan UPM	
Bahagian I	Universiti
Bahagian II	Pegawai Universiti
Bahagian III	Pihak Berkuasa Universiti
Bahagian IV	Statut, Kaedah dan Peraturan
Bahagian V	Peruntukan Kewangan
Bahagian VI	Peruntukan Am
Bahagian VII	Peruntukan Kecualian dan Peralihan

BAHAGIAN I

UNIVERSITI



KUASA-KUASA UNIVERSITI

The screenshot shows the official website of Universiti Putra Malaysia (UPM). At the top, there is a navigation bar with links to 'UTAMA', 'MENGENAI KAMI', 'BAKAL PELAJAR', 'PELAJAR SEMASA', 'STAF', 'ALUMNI', 'PETA LAMAN', 'MAKLUMBALAS', a search bar, and a language switcher ('BM'). The main header features the UPM logo and the text 'Selamat Datang Ke Laman Portal Universiti Putra Malaysia'. Below the header, there is a secondary navigation bar with links to 'AKADEMIK', 'PENYELIDIKAN', 'JARINGAN', 'ANTARABANGSA', 'PERKHIDMATAN', and 'KEHIDUPAN KAMPUS'. A red banner on the left side of the page is titled 'Lembaga Pengarah' and contains a portrait of a man in a suit. To the right of the banner is a sidebar with a 'LIHAT JUGA' section listing 'Canselor', 'Pro Canselor', 'Lembaga Pengarah', 'Jawatankuasa Pengurusan Universiti', and 'Pegawai Utama'. On the far right, there is a vertical column of icons with labels: 'Entiti Komi', 'Dokumen', 'Newsletter', and 'Telopan'. At the bottom right of the page, there is a box for 'pertanyaan selanjutnya' with the text 'Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang Selangor Darul Ehsan'.

- ❑ Disenaraikan dalam **sekyen 3(3), 4(1)** dengan kuasa tambahan disebut dalam **seksyen 5(1)** Perlembagaan

- ❑ Kuasa-kuasa ini dijalankan oleh **LPU** kecuali kuasa itu telah diserahkan kepada Pihak Berkuasa Universiti, Badan atau pegawai lain – **seksyen 20(1)**

KUASA-KUASA UNIVERSITI

□ **Seksyen 3(3):**

Universiti Putra Malaysia hendaklah kekal turun temurun dan terus mempunyai kuasa penuh di bawah nama itu-

(a) untuk **membawa guaman dan dibawa guaman** dalam semua mahkamah;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

□ **Seksyen 3(3):**

(b) untuk **mempunyai dan menggunakan suatu meterai perbadanan** dan dari semasa ke semasa memecahkan, menukar, mengubah dan memperbaharui meterai itu sebagaimana yang difikirkannya patut



(c) bagi maksud Perlembagaan ini dan tertakluk kepada statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan untuk **membeli** apa-apa harta sama ada **harta alih atau harta tak alih** dan **mengambil, menerima dan memegang** apa-apa **harta** tersebut yang akan **terletak hak padanya** oleh **sebab pembelian** itu, atau menurut apa-apa pertukaran, pemberian derma, pajakan, pemberian berwasiat atau selainnya;



(d) untuk **menjual, menggadaijanjikan, memajakkan, menukar** atau selainnya **melupuskan** mana-mana **harta** itu; dan



(e) untuk **menjalankan dan melaksanakan** mengikut peruntukan Perlembagaan ini dan peruntukan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan **semua kuasa dan kewajipan yang diberikan atau ditanggungkan ke atas Universiti** oleh peruntukan itu.



KUASA-KUASA UNIVERSITI

Seksyen 4(1) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Universiti mempunyai kuasa yang berikut:

(a) menyediakan **kursus pengajaran**, mengadakan **peperiksaan**, membuat peruntukan untuk **penyelidikan**, dan mengambil apa-apa **langkah** lain yang didapati **perlu atau mustahak** untuk **memajukan dan menyebarkan pengetahuan**;

KUASA-KUASA UNIVERSITI

- (b) **menerima masuk pelajar** dari dalam atau luar Malaysia untuk membuat apa-apa **kursus pengajian** yang diluluskan oleh Universiti;



(c) memberikan **ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain** termasuk ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik luar yang lain kepada pelajar yang telah mengikuti mana-mana kursus pengajian yang telah diluluskan dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh **kaedah-kaedah**;



(d) mengiktiraf ijazah dan diploma institusi pengajian tinggi yang lain, bagi maksud memasuki kursus pengajian dan peperiksaan Universiti dan juga mengurniakan ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang ijazah atau diploma itu atau kepada siswazah Universiti mengikut syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh **kaedah-kaedah**;



(e) memberikan **ijazah kepada guru** yang telah memenuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh **kaedah-kaedah**;



(f) memberikan **ijazah kehormat** kepada orang yang telah memberikan **sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan** atau yang telah **berbuat jasa cemerlang kepada awam;**



(g) memberikan **sijil** kepada orang yang telah **mencapai kecekapan** dalam mana-mana **bidang ilmu**;



(h) mengadakan **kursi, jawatan pensyarah, dan jawatan lain dan jabatan**, dan membuat pelantikan bagi yang tersebut;



(i) menubuhkan suatu **percetakan Universiti** dan **menerbitkan buku dan bahan lain**;



(j) mendirikan, melengkapkan dan menyelenggarakan perpustakaan, makmal, muzium, dewan kuliah, bangunan tempat tinggal dan segala bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud Universiti, di dalam atau di luar Malaysia;



(k) mengadakan dan mengurniakan fellowship, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran, kepujian, kurniaan lain dan jenis bantuan lain ke arah kemajuan dan penyebaran pengetahuan;



(I) **melaburkan** apa-apa **wang** yang terletak hak padanya sebagai **derma kekal dalam harta tanah atau cagaran** (sama ada dibenarkan sebagai pelaburan pemegang amanah atau tidak), sama ada wang itu terletak hak bagi maksud am atau maksud khas, atau apa-apa wang lain yang tidak dikehendaki segera bagi perbelanjaan semasa, dengan **mempunyai kuasa untuk mengubah mana-mana pelaburan itu, serta mendepositkan dari semasa ke semasa apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank** yang ditubuhkan di Malaysia sama ada **dalam akaun deposit tetap atau akaun semasa;**



(m) memberikan **pinjaman atau pendahuluan** kepada **pekerja Universiti;**



(n) memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga;



(o) menjalankan penyelidikan dan mengkomersilkan hasil dan dapatan penyelidikan;



(p) membuat kontrak dan menubuhkan apa-apa tabung amanah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Universiti dan melantik pekerja Universiti bagi maksud itu;

(q) melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti dan menimbangkan rayuan daripada mana-mana orang yang terkilan dengan penjalanan kuasa melantik dan menaikkan pangkat itu;

(r) mengawal selia syarat perkhidmatan pekerja Universiti, termasuk skim perkhidmatan, tangga gaji, peminjaman, pertukaran, cuti dan tatatertib;



(s) menubuhkan skim pencen atau skim persaraan atau skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerja Universiti, dan membuat perkiraan dengan pertubuhan atau orang lain bagi menubuhkan skim itu;

(t) membuat peraturan-peraturan dan peruntukan bagi tempat tinggal, kebajikan dan tata tertib pelajar dan pekerja Universiti;

(u) menuntut dan menerima apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh **kaedah-kaedah**; dan



(v) melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas itu, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan lagi pengajaran, penyelidikan, pentadbiran, tatatertib di Universiti.

**Bagi mengelakkan
keraguan, kuasa di
bawah perenggan
1(a),(b),(c),(d),(e),(g),(k)
dan (o) hendaklah
dijalankan oleh Senat.**

KUASA-KUASA UNIVERSITI

Seksyen 5(1)(a),(b),(c),(d),(e),(f),(g),(h) dan (i) ialah kuasa tambahan Universiti yang boleh dijalankan oleh Lembaga dengan **kelulusan Menteri Kewangan.**

(a) Menyertai penyertaan ekuiti, perkongsian, usaha sama, pengusahaan atau apa-apa bentuk kerjasama;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(b) Menubuhkan atau menganjurkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(c) Menubuhkan perbadanan untuk menjalankan dan bertanggungjawab ke atas, mengendalikan dan menguruskan apa-apa harta, projek, skim atau perusahaan;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(d) Meminjam atas apa-apa kadar bunga bagi apa-apa tempoh;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(e) Mendapatkan pinjaman di bawah (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alih;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(f) Memperoleh dan memegang sebagai pelaburan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan dan sekuriti yang diterbitkan oleh mana-mana syarikat, Kerajaan Persekutuan atau Negeri, sesuatu pemerintah berdaulat, suruhanjaya dan badan berkuasa awam;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(g) Memperoleh syer, saham, debentur, saham debentur, bon tanggungan atau sekuriti (dalam (f)) melalui langganan asal, tender, pembelian, pindah hakmilik, pertukaran dan selainnya;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(h) menjalankan dan pada amnya menguatkuasakan segala hak dan kuasa yang diberikan melalui atau bersampingan dengan pemunyaan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti yang disebut dalam perenggan (f) dan khususnya untuk menjual, memindahkan hakmilik, menukarkan atau selainnya melupuskan syer, saham, debentur, saham debentur, bon, tanggungan atau sekuriti itu;



KUASA-KUASA UNIVERSITI

(i) Membeli, memajak, atau menyewa atau selainnya memperoleh dan melabur dalam apa-apa harta tanah dan harta diri;



- **PENJALANAN PENGAJIAN, DENGAN MANA-MANA UNIVERSITI**

Seksyen 7

Universiti boleh, dengan kelulusan Menteri, menjalankan apa-apa kursus pengajian atau program latihan secara bersesama atau dengan bersama-sama, gabungan, usaha sama atau selainnya, dengan mana-mana universiti atau institusi pelajaran tinggi atau institusi pelajaran atau organisasi lain di dalam atau di luar Malaysia.



BAHAGIAN II

PEGAWAI UNIVERSITI



PEGAWAI UNIVERSITI

- ▶ Canselor
- ▶ Pro-Canselor
- ▶ Naib Canselor
- ▶ Timb. Naib Canselor
- ▶ Ketua Kampus Cawangan
- ▶ Dekan Fakulti
- ▶ Ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut
- ▶ Pendaftar
- ▶ Bursar
- ▶ Ketua Pustakawan
- ▶ Penasihat Undang-Undang
- ▶ Memegang jawatan yang diwujudkan statut

Tafsiran ‘pegawai’ : Seksyen 2 Perlembagaan UPM



Canselor



**Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj**

D.K., D.M.N., D.K. (Terengganu), D.K. (Kelantan), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Johor), S.P.M.S., S.S.I.S, S.P.M.J.

Seksyen 10 – Canselor

- hendaklah menjadi ketua Universiti
- hendaklah mempengerusikan mana-mana konvokesyen
- hendaklah dilantik oleh YDPA atas nasihat Menteri selama satu tempoh tidak lebih dari 7 tahun
- boleh meletakkan jawatan atau dipecat oleh YDPA
- seseorang layak dilantik semula bagi jawatan Canselor

Pro-Cancellor



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Setia Dr. Nayan Ariffin



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sri Lim Ah Lek



Y.Bhg. Tan Sri Mohd Bakke Salleh

Seksyen 11 – Pro-Canselor

- Canselor boleh melantik, atas nasihat Menteri, orang yang difikirkan patut sebagai Pro-Canselor;
- Jika oleh sesuatu sebab Canselor tidak berupaya menjalankan mana-mana daripada fungsinya di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, dia boleh membenarkan mana-mana Pro-Canselor menjalankan fungsi itu bagi pihaknya;
- Tiap-tiap Pro-Canselor hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang diperkenankan oleh Canselor.

NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR



YBhg. Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris
Naib Canselor

NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR



YBhg. Prof. Dr. M. Iqbal Saripan
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR



Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)



NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR



YBhg Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR



**YBhg. Prof. Dr. -Ing. Ir. Renuganth
Varatharajoo**

Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri dan Masyarakat)



Seksyen 12 – Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor

- Naib Canselor hendaklah **dilantik oleh Menteri** atas nasihat jawatankuasa bawah AUKU, selepas berunding dengan Lembaga.
- Naib Canselor hendaklah **bertindak di bawah kuasa dan arahan am** Lembaga dan Senat.
- Naib Canselor menjadi **ketua pegawai eksekutif** dan bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik, pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti.

Seksyen 12 – Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor

- Naib Canselor hendaklah **menjalankan pengawasan am** ke atas semua peraturan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebijakan dan tatatertib di Universiti dan menjalankan kuasa-kuasa lain yang diberikan oleh Perlembagaan ini dan mana-mana statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.
- **Tempoh jawatan** Naib Canselor **ditetapkan oleh Menteri**, selepas berunding dengan Lembaga.

Seksyen 12 – Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor

- Hendaklah ada sekurang-kurangnya **Timbalan Naib Canselor/Timbalan-timbalan Naib Canselor** yang **dilantik oleh Menteri**, selepas berunding dengan Naib Canselor – had jawatan dan syarat perkhidmatan seorang Timbalan Naib Canselor ditetapkan oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor.
- Jika bagi suatu tempoh yang lama, **Naib Canselor tidak berupaya oleh sebab sakit, cuti atau apa-apa sebab lain** untuk menjalankan mana-mana fungsi jawatannya, mana-mana Timbalan Naib Canselor yang dinamakan oleh Menteri hendaklah menjalankan fungsi itu.

Seksyen 13 – Ketua Kampus Cawangan

- Ketua Kampus Cawangan hendaklah dilantik oleh Menteri, atas nasihat jawatankuasa, selepas berunding dengan Naib Canselor.
- Ketua Kampus Cawangan boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

Seksyen 13 – Ketua Kampus Cawangan

- Tempoh jawatan dan syarat lain perkhidmatan ditentukan oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor.
- Ketua Kampus Cawangan hendaklah menjadi pegawai eksekutif, pegawai pentadbiran dan pegawai akademik utama Kampus Cawangan dan hendaklah melaksanakan fungsinya di bawah arahan dan kawalan Naib Canselor.

PENDAFTAR, BURSAR, KETUA PUSTAKAWAN DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG



YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar
Pendaftar



PENDAFTAR, BURSAR, KETUA PUSTAKAWAN DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG



**Encik Zulkiflee Othman
Bendahari**



PENDAFTAR, BURSAR, KETUA PUSTAKAWAN DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG



Ketua Pustakawan/Ketua Pegawai Maklumat



PENDAFTAR, BURSAR, KETUA PUSTAKAWAN DAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG



Penasihat Undang-Undang



Seksyen 14 – Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang

- Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang (PUU) hendaklah berkhidmat sebagai **pegawai sepenuh masa** dan mempunyai **kuasa** sebagaimana yang **ditetapkan oleh statut**.
- Jawatan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan PUU boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.
- Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan PUU hendaklah **dilantik oleh Lembaga** mengikut nasihat **Jawatankuasa Pemilih**.

- **Syarat pelantikan** Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan PUU **ditetulkan oleh Lembaga.**
- Seseorang yang dilantik sebagai **Pendaftar, Bursar dan PUU**, melainkan dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, **memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun** dan apabila tempoh itu habis, **layak untuk dilantik semula.**
- Seseorang yang dilantik sebagai **Ketua Pustakawan**, hendaklah memegang jawatan selama **tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.**
- Pelantikan Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan PUU boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab pembatalan itu.

BAHAGIAN III

PIHAK BERKUASA UNIVERSITI



PIHAK BERKUASA UNIVERSITI

Seksyen 16

- ▶ Lembaga Pengarah Universiti
- ▶ Senat
- ▶ Jawatankuasa Pengurusan Universiti
- ▶ Fakulti/ Sekolah/Pusat/Akademi/Institut
- ▶ Jawatankuasa Pengajian
- ▶ Jawatankuasa Pemilih
- ▶ Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
- ▶ Jawatankuasa Aduan Pelajar



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali
- Pengerusi



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YBhg. Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini
Ideris - Naib Canselor**



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah
- Ahli



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YBhg. Dato' Hj. Mohamad Fatmi Hj. Che
Salleh - Ahli**



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YBhg. Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd Nur -
Ahli**



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**Y.A.M Tengku Syarif Laksamana Perlis
Dato' Seri DiRaja Syed Razlan Ibni Syed
Putra Jamalullail**
Ahli



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**Y.A.D. Dato' Setia Haji Ramli Mahmud
Ahli**



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YBhg. Dato' Dr. Syed Hussain Syed Husman
Ahli**



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



YBhg. Dr. Meenachi Muniandy
Ahli



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar
Setiausaha**



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI (AHLI EX-OFFICIO)



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

- **Seksyen 17(1): Keahlian**

- ▶ Pengerusi
- ▶ Naib Canselor
- ▶ Dua orang pegawai perkhidmatan awam
- ▶ Seorang wakil masyarakat setempat
- ▶ Seorang profesor yang dipilih oleh Senat (20 Prof)
- ▶ Lima orang, tiga daripada sektor swasta, Seorang alumni Universiti; dan Seorang dari dalam atau luar universiti yang berpengetahuan dan berpengalaman

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

▪**Seksyen 17(2)**: Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bursar dan PUU hendaklah menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga.



Fungsi dan kuasa Lembaga

- **Seksyen 20(1)**: Menjadi **badan** yang **mengelola, membuat dasar** dan **mengawasi Universiti** tetapi tidak boleh membuat ketetapan dalam urusan Senat tetapi boleh menghantar pendapatnya kepada Senat untuk pertimbangan – **seksyen 20(2)**.

DASAR UPM

- Dasar Universiti Putra Malaysia (Harta Intelek dan Pengkomersilan Hal Harta Intelek Universiti) 2013.
- Dasar Universiti Putra Malaysia (Keusahawanan) 2013.
- Dasar Universiti Putra Malaysia (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) 2013.
- Dasar Universiti Putra Malaysia (Sistem Pengurusan Alam Sekitar) 2013.
- Dasar Universiti Putra Malaysia Keselamatan Teknologi Maklumat Komunikasi) 2014.

Fungsi dan kuasa Lembaga

- **Seksyen 20(3)**: Fungsi dan kuasa tambahan Lembaga ialah:
 - (a) Mengadakan **perancangan pengawasan yang strategik** yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti.

Fungsi dan kuasa Lembaga

(b) Menggalakkan pengurusan cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi Universiti.

Fungsi dan kuasa Lembaga

(c) Membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri.



Fungsi dan kuasa Lembaga

(d) Memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan.

Fungsi dan kuasa Lembaga

(e) Memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap **Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai** atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

SENAT



SENAT

- **Seksyen 22(1): Keahlian**

- ➔ Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- ➔ Semua Timbalan Naib Canselor;
- ➔ Semua Dekan Fakulti dan semua ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;
- ➔ Tidak lebih daripada 20 orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh 3 tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan
- ➔ Tidak lebih daripada 5 orang daripada UPM yang diko-opt oleh Naib Canselor selama 3 tahun

SENAT

- **Seksyen 22(3)**: Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.
- **Seksyen 22(4)**: Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan PUU hendaklah menjadi ahli ex-officio tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.



- **Seksyen 22(5):**

Senat adalah **badan akademik** bagi Universiti dan berhak **mengawal dan memberikan arahan am** mengenai **pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.**



- **Seksyen 22(6): Fungsi dan kuasa tambahan Senat selain subseksyen 4(3)**

- (a) untuk **menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut**, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;
- (b) dengan keizinan Lembaga, untuk **memberikan ijazah kehormat** kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;
- (c) untuk **membentuk dasar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan** yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

- (d) untuk **memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian** yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (e) untuk **menentukan kebolehlaksanaan** atau selainnya apa-apa **cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan** di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (f) untuk **menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk** ke dalam mana-mana **kursus pengajian** yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

- (g) untuk mengawal selia penjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;
- (h) Untuk menggubal dasar bagi melindungi **kebebasan akademik** dan **kecemerlangan profesional**; dan
- (i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan **pelaksanaan fungsinya** di bawah Perlembagaan ini.

Seksyen 22(7)

- Dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya, Senat boleh **mewakilkan** mana-mana daripada **kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya** kepada ahlinya atau sesuatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahlinya.

Seksyen 22(8)

- Senat hendaklah **mempertimbangkan** apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh **Lembaga** di bawah subseksyen 20(2).

JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI



JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

Seksyen 23

- Berfungsi untuk **menasihati Naib Canselor** berhubung dengan **fungsi pentadbiran dan pengurusannya**.
- Keahlian
 - ➡ Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi
 - ➡ Semua Timbalan Naib Canselor
 - ➡ Pendaftar
 - ➡ Bursar
 - ➡ Ketua Pustakawan
 - ➡ Penasihat Undang-Undang
 - ➡ Mana-mana pegawai lain yang dilantik Naib Canselor

FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT



FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(2)

- **Jabatan/unit/badan** lain berkenaan dengan sesuatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut **boleh ditubuhkan** setelah **berunding** dengan **Jawatankuasa Pengajian**.

FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(3)

- **Bertanggungjawab kepada Senat atas penyusunan pengajaran dalam mata pelajaran mengenai pengajian dalam bidang kuasa Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan.**

FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(4)

- **Naib Canselor** hendaklah, selepas **berunding dengan guru** setiap Fakulti, **melantik seorang Dekan** bagi tiap-tiap satu Fakulti dan **sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan.** Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu secepat yang mungkin.



FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(4)

- **Dekan** itu hendaklah menjadi **pengerusi Fakulti** itu dan hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan jika Dekan tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya oleh sebab bercuti atau apa-apa sebab lain, **adalah sah bagi Timbalan Dekan atau mana-mana pegawai kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor untuk** menjalankan kewajipan Dekan itu selama tempoh Dekan itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya.

FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(5)

- **Naib Canselor** hendaklah, selepas **berunding dengan guru** setiap Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, melantik seorang **ketua bagi** tiap-tiap satu **Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut** dan boleh melantik **sekurang-kurangnya seorang timbalan ketua**. Lembaga hendaklah dimaklumkan tentang pelantikan itu secepat yang mungkin.



FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(5)

- **Ketua dan timbalan ketua itu hendaklah diberi gelaran** sebagaimana yang ditetapkan oleh statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan; dan jika ketua itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya oleh sebab bercuti atau apa-apa sebab lain, **adalah sah bagi timbalan ketua atau mana-mana pegawai kanan lain yang dilantik oleh Naib Canselor untuk menjalankan kewajipan ketua itu** selama tempoh ketua itu tidak berupaya menjalankan kewajipan jawatannya.

FAKULTI, SEKOLAH, PUSAT, AKADEMI, INSTITUT

Seksyen 24(6)

- Seseorang yang dilantik di bawah subseksyen (4) atau (5), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah **dilantik selama tempoh tidak lebih daripada empat tahun**, tetapi adalah **layak dilantik semula**.

JAWATANKUASA PENGAJIAN



JAWATANKUASA PENGAJIAN

Seksyen 25

- Boleh dilantik oleh Senat bagi salah satu maksud berikut:-
 - (i) untuk **menguruskan perkara mengenai manama Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut**; dan
 - (ii) untuk **menimbangkan cadangan yang dirujukkan kepadanya oleh Senat bagi penubuhan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut yang baru**.

JAWATANKUASA PENGAJIAN

Seksyen 25

Jawatankuasa Pengajian hendaklah **membut laporan** mengenai di atas **kepada Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut, atau kepada Senat**, mengikut kehendak keadaan.



JAWATANKUASA PEMILIH



JAWATANKUASA PEMILIH

Seksyen 26(1)

- Bagi **pelantikan** ke sesuatu **kursi** dan **pelantikan atau kenaikan pangkat** ke **jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai disebut dalam seksyen 14** hendaklah terdiri daripada:
 - (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengurus;
 - (b) Dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
 - (c) Dekan Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut yang baginya kursi itu diuntukkan; dan
 - (d) Dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat.

JAWATANKUASA PEMILIH

Seksyen 26(3)

- Boleh ada **Jawatankuasa Pemilih yang berlainan** bagi **pelantikan yang berlainan**, yang **dilantik oleh Lembaga**, atas syor **Naib Canselor**. Jawatankuasa itu **dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor atau seorang pegawai kanan yang lain**.

JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR



JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR

Seksyen 28

- Jawatankuasa Kebajikan Pelajar yang hendaklah terdiri daripada—
 - (a) Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengurus;
 - (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar; dan
 - (c) mana-mana ahli lain yang dilantik oleh Lembaga.

JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR



JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR

Seksyen 28A

- Keahlian:-

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) dua orang ahli yang dipilih oleh Majlis Perwakilan Pelajar-Pelajar;
- (c) dua orang ahli yang dipilih oleh Persatuan Siswazah atau Alumni Universiti; dan
- (d) dua orang pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Lembaga selepas mengambil kira dengan sewajarnya kepentingan untuk menjamin suatu Jawatankuasa Aduan Pelajar yang mendapat keyakinan pelajar.



JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR

Seksyen 28A

- mempunyai apa-apa kuasa dalam menjalankan siasatan atau inkuriri ke atas apa-apa aduan yang dibuat oleh pelajar mengikut cara yang ditetapkan oleh statut.

BAHAGIAN IV

STATUT, KAE DAH-KAEDAH DAN PERATURAN-PERATURAN



STATUT

Seksyen 34

- Statut boleh dibuat untuk menguruskan mana-mana atau segala perkara yang berikut:
 1. kuasa dan kewajipan pegawai Universiti;
 1. keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Pihak Berkuasa Universiti;



STATUT

Seksyen 34

3. cara pelantikan dan syarat perkhidmatan bagi pegawai dan guru Universiti, kecuali yang berhubungan dengan tatatertib mereka;
4. menetapkan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain yang akan diberikan oleh Universiti;
5. syarat bagi kemasukan dan tempat tinggal dan kebijakan pelajar;

STATUT

6. pengurusan perpustakaan;
7. pengurusan Kampus Cawangan yang terletak di luar Malaysia;
8. segala perkara lain yang boleh dikawal selia dengan statut di bawah Perlembagaan ini; dan
9. perkara yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada perkara yang tersebut di atas.

Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan Statut

Seksyen 35

- **Canselor** boleh membuat, membatalkan atau **meminda** mana-mana statut.
- **Cadangan** untuk membuat sesuatu **statut baru**, atau membatalkan atau **meminda** sesuatu statut, **hendaklah disediakan oleh Lembaga**.

- **Cadangan** bagi sesuatu **statut baru**, atau bagi apa-apa **pindaan atau pembatalan** kepada sesuatu statut, mengenai mana-mana **perkara yang berikut**, iaitu:

- 1) kuasa dan kewajipan Dekan sesuatu Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut;
- 2) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Senat, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa Pengajian;
- 3) penetapan ijazah, diploma, dan kepujian akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti;

- 4) pengurusan perpustakaan; dan
- 5) segala perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan ini atau mana-mana statut,
 - **tidak boleh dikemukakan kepada Canselor tanpa keizinan bertulis Senat.**

○ Contoh Statut UPM

- 1) Statut Universiti Pertanian Malaysia (Lembaga Kediaman Pelajar) 1978 [P.U.(A)/219]
- 2) Statut Universiti Pertanian Malaysia (Lembaga Hal Ehwal Pelajar) 1979 [P.U.(A)/98]
- 3) Statut Universiti Pertanian Malaysia (Senat) 1983 [P.U.(A) 249]

DRAF STATUT

STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

L1	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (TAKRIF DAN MAKNA) 2013
L2	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (IJAZAH KEHORMAT) 2013
L3	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (FAKULTI, SEKOLAH, AKADEMI, PUSAT ATAU INSTITUT) 2013
L4	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI) 2013
L5	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA PEMILIH DAN PIHK BERKUASA MELANTIK) 2013
L6	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (NAIB CANSELOR DAN TIMBALAN NAIB CANSELOR) 2013
L7	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (BURSAR) 2013
L8	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (KETUA PUSTAKAWAN) 2013
L9	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PENDAFTAR) 2013
L10	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA KEBAJIKAN PELAJAR) 2013
L11	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (SENAT) 2013
L12	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JAWATANKUASA ADUAN PELAJAR) 2013
L13	STATUT UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2013

KAEDAH-KAEDAH

Seksyen 36

Kaedah-kaedah boleh dibuat bagi perkara-perkara berikut:-

- (a) prinsip berkenaan dengan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain;
- (b) bilangan dan ruang lingkup peperiksaan;
- (c) pelantikan, kuasa, kewajipan, saraan dan syarat perkhidmatan bagi pemeriksa dan cara menjalankan peperiksaan;
- (d) penerimaan masuk pelajar dalam peperiksaan, kursus ijazah dan diploma Universiti dan ke tempat tinggal di Universiti;

- e) cara pelantikan dan syarat perkhidmatan bagi orang yang bekerja dengan Universiti, kecuali yang berhubungan dengan tatatertib mereka;
- f) menubuhkan dan membuat peraturan mengenai skim pencen, skim persaraan dan skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerja Universiti atau manama golongan daripada mereka;
- g) syarat mengenai tempat tinggal dan kebajikan pelajar;
- h) bayaran yang akan dikenakan bagi kursus pengajian, bagi tempat tinggal, bagi memasuki peperiksaan, bagi ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain dan apa-apa bayaran lain yang boleh dikenakan oleh Universiti;

- i) pengurusan dewan kuliah, perpustakaan, sumber maklumat, makmal, pusat penyelidikan, bangunan tempat tinggal, dan segala kegiatan cawangan Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perlembagaan ini atau melalui statut;
- ii) keanggotaan, kuasa dan kewajipan mana-mana jawatankuasa atau badan lain yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perlembagaan ini atau oleh statut;
- iii) segala perkara yang boleh, menurut Perlembagaan ini atau mana-mana statut, ditetapkan melalui kaedah-kaedah;
- iv) segala perkara dalam kuasa Universiti dan yang tidak diperuntukkan selainnya oleh Bahagian ini dalam Perlembagaan ini.

Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan kaedah-kaedah

Seksyen 37

- **Lembaga** boleh **membuat, membatalkan atau
meminda** mana-mana **kaedah**.
- **Draf** untuk membuat sesuatu kaedah berkenaan dengan perkara dalam seksyen **36(a),(b),(c),(d)** dan **(i)** atau apa-apa **perkara dalam bidang
kuasa Senat**, hendaklah **dicadangkan oleh
Senat**.



Tatacara bagi membuat, meminda atau membatalkan kaedah-kaedah

Seksyen 37

- **Lembaga boleh meluluskan draf itu atau merujukkannya kembali kepada Senat dengan apa-apa pendapat atau cadangan untuk pindaan.**
- **Tiada kaedah-kaedah boleh dibuat sehingga Senat bersetuju.**



- KAEDAH-KAEDAH UPM (PERKARA AKADEMIK) 2013
- KAEDAH-KAEDAH UPM (PENGAJIAN SISWAZAH) 2013
- KAEDAH-KAEDAH UPM (TATATERTIB PELAJAR) 2005
- KAEDAH-KAEDAH UPM (PERKARA PENYELIDIKAN) 2012
- KAEDAH-KAEDAH UPM (TEKNOLOGI KOMUNIKASI MAKLUMAT) 2013
- KAEDAH-KAEDAH UPM (HARTA INTELEK DAN PENGKOMERSILAN) 2014

PERATURAN-PERATURAN

Seksyen 38

- 1) **Lembaga dan Senat** boleh masing-masing **membuat peraturan-peraturan mengenai tatacaranya sendiri.**
- 2) **Lembaga** boleh **selepas berunding dengan Senat** membuat **peraturan-peraturan mengenai tatacara Jawatankuasa Pemilih.**
- 3) Senat boleh membuat **peraturan-peraturan** mengenai **tatacara** sesuatu **Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa Pengajian**, atau mana-mana jawatankuasa atau badan lain yang tertakluk kepada bidang kuasa Senat.

PERATURAN-PERATURAN

Seksyen 38

- 4) Senat boleh membuat **peraturan-peraturan bagi menetapkan kursus pengajian atau sukatan pelajaran bagi peperiksaan.**
- 5) Peraturan-peraturan boleh dibuat oleh mana-mana Pihak Berkuasa jika Pihak Berkuasa itu diberi kuasa oleh Perlembagaan ini, statut atau kaedah-kaedah.



Contoh Peraturan UPM:

Peraturan-peraturan Universiti Putra Malaysia
(Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar) 2011

(Seksyen 57(2) Perlembagaan UPM)



Menyiarkan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan

Seksyen 39

- (1) Tiap **statut, kaedah-kaedah, pindaan atau pembatalan** hendaklah **disiarkan dalam Warta** dan dengan **apa-apa cara lain** mengikut sebagaimana yang **diarahkan oleh Lembaga**.

- (2) **Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan** Universiti sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa **hendaklah disiarkan dalam bentuk buku** mengikut lat tempoh sebagaimana yang diarahkan oleh Lembaga, dan **naskhahnya hendaklah diadakan untuk dibeli oleh orang awam dengan harga yang berpatutan**.

Menyiarkan statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan

Seksyen 39

(3) Pengecualian:

- (a)** sesuatu **kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan** yang **mengandungi hanya arahan kepada pemeriksa atau penyelia peperiksaan;** atau
- (b)** sesuatu kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang, **menurut ketetapan Lembaga,** **tidak akan disiarkan.**



HIRARKI STATUT, KAE DAH-KAE DAH DAN PERATURAN-PERATURAN

Canselor (Statut)
[disediakan oleh Lembaga]



Lembaga (Kaedah-kaedah)
[Perkara dalam seksyen 36(a),(b),(c),(d) dan (i) atau apa-apa perkara dalam bidang kuasa Senat, hendaklah dicadangkan oleh Senat]



Lembaga/Senat (Peraturan)



BAHAGIAN V

PERUNTUKAN KEWANGAN



Jawatankuasa Tetap Kewangan (Seksyen 41)

Lembaga hendaklah **melantik** suatu **Jawatankuasa Tetap Kewangan** bagi mengatur dan mengawal kewangan Universiti.

Menyediakan anggaran (Seksyen 42)

Pegawai Universiti yang ditetapkan oleh statut wajib **menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan** Universiti bagi **tiap-tiap** satu tahun kewangan untuk pertimbangan Naib Canselor.



Tahun Kewangan (Seksyen 43)

Tahun kewangan ialah satu tahun kalender atau apa-apa tempoh lain yang ditetapkan oleh Lembaga.

Anggaran tahunan (Seksyen 44)

(1) **Lembaga** hendaklah, tidak kurang daripada empat bulan sebelum berakhir tahun kewangan, meluluskan anggaran hasil dan perbelanjaan yang lengkap bagi Universiti bagi tahun kewangan yang berikutnya dan mengemukakan anggaran itu bersama dengan ulasan Lembaga mengenainya, kepada Menteri.



(2) Jawatankuasa Tetap Kewangan hendaklah menyediakan draf anggaran untuk dikemukakan kepada Lembaga, dan satu salinan anggaran kepada ahli Lembaga, tidak kurang 7 hari sebelum tarikh mesyuarat Lembaga.

(3) Lembaga boleh meluluskan, mengubahsuai atau menolak kesemua/mana-mana butiran dalam draf anggaran itu atau merujukkan semula kepada Jawatankuasa Tetap Kewangan untuk pertimbangan atau menambah apa-apa butiran dalam draf anggaran itu.

Anggaran tambahan (Seksyen 45)

Jika peruntukan kewangan tambahan dikehendaki dalam sesuatu tahun, **Lembaga** boleh dari semasa ke semasa **meluluskan anggaran tambahan** bagi maksud menunjukkan punca yang darinya sesuatu perbelanjaan tambahan yang dilakukan olehnya boleh dibayar.



Larangan perbelanjaan melainkan termasuk dalam anggaran (Seksyen 46)

(1) Lembaga tidak boleh melakukan apa-apa perbelanjaan yang tidak termasuk dalam sesuatu anggaran yang diluluskan.



Kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb. (Seksyen 48)

(1) Lembaga boleh bagi pihak Universiti **mendapatkan dana bagi aktiviti akademik dan penyelidikan** Universiti dan menerima sebagai **pemberian, hadiah, pemberian berwasiat, subsidi, legasi atau selainnya, harta atau wang bagi membantu kewangan** Universiti atas apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan olehnya.



Kuasa Lembaga untuk mendapatkan dana, menerima hadiah, dsb. (Seksyen 48)

(2) Daftar hendaklah **disenggarakan** mengenai **segala derma** yang diberikan kepada Universiti termasuk nama penderma kepada Universiti dan apa-apa syarat khas mengenai sesuatu derma yang diberikan.

Harta yang diberikan bagi maksud tertentu diakaunkan secara berasingan (Seksyen 49)

Segala **harta atau wang yang diberikan** bagi sesuatu maksud tertentu hendaklah **digunakan dan ditadbirkan mengikut maksud** harta atau wang itu telah **diberikan** dan hendaklah **diakaunkan secara berasingan**.

Bentuk kontrak (Seksyen 50)

Apa-apa **kontrak yang melibatkan perbelanjaan Universiti** hendaklah dibuat secara **bertulis** dan **ditandatangani bagi pihak Universiti** oleh mana-mana pekerja **Universiti yang diberi kuasa sewajarnya oleh Lembaga**, sama ada secara khusus dalam apa-apa hal tertentu atau secara am bagi semua kontrak di bawah suatu nilai tertentu atau selainnya sebagaimana yang ditetapkan dalam pemberikuasaan itu.

Audit (Seksyen 51)

- (1) Akaun Universiti hendaklah diaudit setiap tahun oleh juruaudit yang dilantik oleh Lembaga.
- (2) Akaun yang diaudit, serta apa-apa pendapat yang dibuat mengenainya oleh juruaudit, hendaklah dibentangkan kepada Menteri.



**PERUNTUKAN AM
(SEKSYEN 52-63)**

**PERUNTUKAN KECUALIAN DAN
PERALIHAN
(64-71)**



**SEKIAN,
TERIMA KASIH.**

**PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
TEL 603 89466172 FAKS 603 89474026**

